



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERLAKSANAAN PENILAIAN FORMATIF DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
PENDIDIKAN SENI VISUAL:
SATU KAJIAN KES**

CHE ALEHA BT LADIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN.**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



27 . 03 . 2007

CHE ALEHA BT LADIN

M20051000160





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur dan segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam serta selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, para ahli keluarga serta para sahabat baginda.

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnianya, alhamdulillah saya berjaya menyiapkan kertas projek ini. Terima kasih tidak terhingga juga saya ucapkan kepada penyelia latihan ilmiah saya iaitu Encik Hassan bin Mohd. Ghazali di atas segala bantuan, nasihat, tunjuk ajar, teguran serta cadangan bermanfaat kepada saya dalam usaha untuk menyiapkan kertas projek ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pensyarah Fakulti Seni, yang telah memberi ilmu pengetahuan yang berguna kepada saya. Tidak lupa juga kepada pihak sekolah, guru-guru dan pelajar yang memberikan kerjasama yang baik sepanjang saya menjalankan kajian ini. Budi baik dan pertolongan anda semua tidak mungkin saya lupakan.

Tidak ketinggalan juga kepada keluarga yang dikasihi khasnya ibu, ayah, suami dan anak-anak tersayang yang banyak memberi dorongan, semangat dan sokongan yang kuat untuk terus menimba ilmu di bumi UPSI ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang sentiasa bersama-sama mengharungi susah senang semasa di UPSI dan juga banyak memberikan bantuan. Hanya Allah yang mampu membalas budi baik kalian semua.

Sekian, Wassalam.

CHE ALEHA BT LADIN
Program Sarjana Pendidikan Seni
Fakulti Seni Muzik
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Mac 2007



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui pelaksanaan penilaian formatif dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni. Fokus kajian adalah untuk mengetahui bagaimana penilaian formatif dilaksanakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Seni Visual, pengetahuan guru dalam menjalankan penilaian formatif dan kesesuaian pelaksanaan penilaian formatif berdasarkan Kurikulum Pendidikan Seni Visual. Kajian ini adalah satu kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif bagi menjelaskan permasalahan kajian secara menyeluruh. Kaedah yang digunakan ialah kaedah temu bual, kaedah pemerhatian, kaedah soal selidik, kajian dokumen dan rakaman audio visual. Sekolah yang dipilih adalah sebuah sekolah Cina iaitu Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Pei Yuan, Kampar Perak yang terletak di Daerah Kinta Selatan Perak melibatkan lima responden yang dipilih secara rawak terdiri daripada guru-guru yang mengajar Pendidikan Seni Visual. Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan penilaian formatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni melibatkan tiga domain utama iaitu kognitif, afektif dan psikomotor tetapi perlaksanaannya tidak menyeluruh. Kaedah penilaian yang tidak menyeluruh dan tidak menepati metod penilaian yang sebenar menunjukkan pengetahuan guru dalam melaksanakan penilaian formatif masih membimbangkan dan perlu dipertingkatkan. Hasil kajian diharapkan dapat memberi manfaat dan kesedaran kepada guru tentang pentingnya penilaian formatif dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni diaplikasi dan dijalankan mengikut metod yang betul.



ABSTRACT

The purpose of this research is to know the implementation of formative assessment in the teaching and learning process of art education is success or not. It also focus on the teachers' knowledge in applying the formative assessment in their classrooms and the suitability of this assessment based on the art education curriculum. This research is a case study which uses a qualitative approach to explain the problems as a whole. The method used are interviews, observation, investigative, documents and recorded audio visual materials. SMJK Pei Yuan has been chosen. It is a Chinese medium school, located in Kinta Selatan district of Perak. This research involved five teachers who were chosen at random. They are teachers from this school who are currently teaching art education. As a conclusion, it shows that the implementation of this assessment involved three main domains which are the cognitive, affective and psychomotor. Even so it was not done thoroughly through the process of teaching. The method of assessment which is not done thoroughly and does not fit the actual assessment's method shows that the teachers' knowledge in implementing the formative assessment need to be improved. The result of this research is hope to provide advantage and realisation to teachers about the importance of applying and doing the formative assessment using the correct method.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACK	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x

BAB I PENDAHULUAN



1.1	Pengenalan	2
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Persoalan Kajian	8
1.4	Tujuan Kajian	9
1.5	Signifikan Kajian	9
1.6	Definisi Operasional	10
	1.6.1 Penilaian Formatif	10
	1.6.2 Pengajaran	10
	1.6.3 Pembelajaran	11
1.7	Kekangan dan Skop Kajian	12
1.8	Latar Belakang Kawasan Kajian	13
1.9	Kerangka Teori	13
	1.9.1 Konsep Pengajaran	14
	1.9.2 Konsep Pembelajaran	15
	1.9.3 Konsep Pengetahuan Guru	16
	1.9.4 Konsep Metodologi Penilaian Pendidikan Seni	17





BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	19
2.1	Teori Pembelajaran Masteri	20
2.2.	Model Penilaian	23
2.3	Penilaian Dalam Pendidikan Seni	24

BAB 3	METODOLOGI / KAEDAH PENYELIDIKAN	33
3.1	Pendekatan Kajian	33
3.2	Fokus Kajian	34
3.3	Responden Kajian	35
3.4	Pengumpulan Data	35
3.4.1	Pemerhatian	36
3.4.2	Temubual	36
3.4.4	Kajian Dokumen	37
3.4.5	Soal Selidik	37
3.5	Analisis Data	38
3.6	Jadual Kerja	42



BAB 4	DAPATAN KAJIAN	43
4.1	Latar belakang Responden	44
4.2	Perlaksanaan Kajian	45
4.3	Perlaksanaan Penilaian Formatif dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual	46
4.4	Pengetahuan Guru dalam Menjalankan Penilaian Pendidikan Seni	55
4.5	Kesesuaian Perlaksanaan Penilaian Formatif Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual	60





BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	64
5.1	Perbincangan	65
5.2	Kesimpulan	71
5.3	Cadangan	73
RUJUKAN		76
LAMPIRAN		
A	Borang catatan rekod Pemerhatian	
B	Soalan Temubual dengan responden (guru)	
C	Borang Soal Selidik	
D	Jadual Kriteria Pencapaian Calon	
E	Data Pemerhatian (01)	
F	Transkrip temubual	
G	Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Penyelidikan	
H	Surat Akuan Pelajar	





SENARAI JADUAL

Jadual

Muka Surat

3.1	Senarai instrumen yang digunakan dalam proses mengumpul data	35
3.2	Matriks Pengumpulan Data	41
3.3	Kerja Penyelidikan Kajian	42
4.1	Latar Belakang responden	44
4.2	Pengalaman responden mengajar Pendidikan Seni	45
4.3	Adakah anda mempunyai masa menjalankan penilaian formatif ke atas pelajar?	56
4.4	Penilaian Pendidikan Seni perlu melibatkan keseluruhan bentuk Penilaian iaitu dari segi kognitif, afektif dan psikomotor	57





SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

1.1	Konsep yang dipilih dalam kajian permasalahan	18
2.1	Model Pembelajaran Masteri	21
2.2	Model C.I.P.P oleh Stufflabeam	22
3.1	Proses Menganalisis Data Kajian Menggunakan Data Interaktif	39
4.1	Penilaian dari segi proses dan teknik	48
4.2	Penilaian karya Pelajar: Sesi Apresiasi	49
4.3	Perbandingan hasil kerja pelajar A dan B berdasarkan Kemahiran dan sikap pelajar	50
4.4	Penilaian hasil kerja pelajar (berkumpulan)	53
4.5	Proses Menghasilkan arca luakan	54
4.6	Perbandingan karya dalam sesi penilaian	58





BAB 1

PENDAHULUAN



Bab ini akan menerangkan latar belakang kajian yang akan dijalankan. Perkara-perkara yang dibincangkan adalah berkaitan dengan permasalahan kajian, tujuan, persoalan, kepentingan, kekangan dan skop penyelidikan yang akan dilaksanakan. Menerusi bab ini penyelidik akan cuba untuk memberi penerangan dan kefahaman berkaitan dengan permasalahan utama yang akan dikaji. Penerangan tersebut adalah berdasarkan persoalan-persoalan kajian yang dinyatakan. Selain itu hubungan antara permasalahan utama kajian dengan tujuan dan kepentingan kajian turut diperjelaskan.





1.1 Pengenalan

Penilaian pendidikan secara amnya meliputi penilaian guru, penilaian program, penilaian kurikulum dan penilaian pencapaian pelajar yang dijalankan bertujuan untuk meningkatkan pembelajaran dan menggalakkan perkembangan berdasarkan objektif yang hendak dicapai. Bhasah Abu Bakar (2003) menyatakan penilaian sebagai satu pertimbangan atau membuat keputusan tentang merit atau nilai sesuatu perkara atau benda. Menurut Gay (1985) dalam Bhasah Abu Bakar, penilaian adalah satu proses yang sistematik dalam pengumpulan dan analisis data untuk menentukan sama ada sesuatu objektif itu telah tercapai yang membolehkan sesuatu keputusan atau pertimbangan dibuat. Ia bertujuan untuk menentukan status sesuatu objek yang dinilai dengan membanding status berkenaan dengan satu set atau kriteria untuk dibuat keputusan.



Razali Arof (1992) mengaitkan penilaian sebagai satu proses membuat keputusan mengenai keberkesanan satu program atau aktiviti. Aktiviti yang terlibat dalam proses penilaian ialah mengenalpasti sebab atau rasional dan tujuan penilaian tersebut, aspek yang hendak dinilai, siapa yang hendak dinilai, bagaimana hendak mengumpul maklumat di samping mengenalpasti halangan yang wujud dan bagaimana hendak menganalisa data dan akhirnya keberkesanan program penilaian itu. Dalam bidang pendidikan, proses menilai tingkah laku pelajar atau hasil daripada satu pengajaran termasuk berbagai cara mengumpul maklumat tentang kuantiti, kualiti, dan tahap pencapaian pelajar, hasil kerja studio atau hasil kerja akademik (<http://artswork.asu.edu/arts/teachers/assessment/glossary.htm>).

Penilaian formatif adalah sebahagian daripada bentuk penilaian Pendidikan Seni Visual yang boleh dijalankan untuk mengukur pencapaian dan melihat perkembangan pelajar. Namun, sejauh mana penilaian formatif tersebut diaplikasikan





oleh guru dan memenuhi kaedah penilaian yang digariskan Kurikulum Pendidikan Seni Visual amat bergantung kepada perlaksanaannya di dalam kelas.

1.2 Latar Belakang Masalah

Seringkali kita mendengar bahawa mata pelajaran Pendidikan Seni itu dianggap sukar dinilai kerana penilaian seni lebih bersifat subjektif dan amat berkaitan dengan perasaan, yang merupakan pandangan individu menghasilkan produk, memerhati dan menterjemah makna visual kepada bentuk seni yang amat peribadi sifatnya. Penilaian mata pelajaran Pendidikan Seni adalah unik kerana ia bukan sekadar melihat hasil karya pelajar sahaja. Penilaian Pendidikan Seni Visual adalah penilaian secara keseluruhan yang mengabungkan kefahaman kognitif (kefahaman asas seni reka, alat, teknologi bahan, bentuk gubahan serta kemasan dan pemahaman dan penghargaan), psikomotor (penilaian proses dalam penghasilan bahan) dan afektif (sikap dan perlakuan murid). (Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual, Kementerian Pelajaran Malaysia: 2002).

Pendidikan Seni telah dijadikan sebagai mata pelajaran wajib di peringkat sekolah rendah dan menengah rendah dan sebagai elektif bagi pelajar menengah atas. Jika ia diletakkan sebagai mata pelajaran wajib sudah tentu ia boleh dinilai, diukur dan dimuatkan di dalam kurikulum kita.

Terdapat pelbagai jenis penilaian yang boleh dijalankan oleh guru untuk memastikan keberkesanan mata pelajaran Pendidikan Seni. Penilaian formatif adalah satu bentuk penilaian yang sering dinyatakan. Menurut Bhasah Abu Bakar (2003), penilaian formatif adalah satu penilaian yang dijalankan secara berterusan, sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Tujuan penilaian tersebut adalah





untuk memperbaiki atau mengenalpasti kelemahan yang wujud semasa pengajaran dan pembelajaran. Guru akan mendapat maklumbalas dengan kadar segera dan pelajar memahami tentang pengajaran yang berlaku. Keadaan ini akan membantu guru meneruskan atau memperbaiki kaedah pengajaran yang dijalankan.

Walau bagaimanapun, beberapa perkara yang menjadi isu berkaitan pengajaran guru untuk menjayakan pelaksanaan penilaian formatif amat bergantung kepada kualiti pengajaran yang dijalankan di dalam kelas. Menerusi Laporan Jemaah Nazir yang dikeluarkan pada tahun 1999 yang dibentangkan oleh Hassan Sulaiman (2000), kualiti pengajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah dan sekolah rendah berada pada tahap yang tidak berkesan. Sebanyak 148 jumlah pengajaran diperhatikan melibatkan 76 buah sekolah rendah menunjukkan kualiti pengajaran guru berkaitan sistem penilaian dalam kriteria rekod penilaian murid dan penggunaan teknik soalan semasa pengajaran pembelajaran oleh guru hanya mendapat skor sebanyak 55.0 %. Begitu juga dengan pemantauan yang dijalankan di sekolah menengah di mana sebanyak 117 jumlah pengajaran diperhatikan merangkumi 32 jumlah sekolah diperiksa, mendapati pelaksanaan rekod penilaian murid sebanyak 61.0% dan penggunaan teknik soalan semasa pengajaran pembelajaran sebanyak 52.0% iaitu berada pada tahap tidak berkesan sepertimana skala yang diberikan oleh Jemaah Nazir, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Hadayat Rahmah Hasan (2000) telah membuat kajian tentang analisis kandungan soalan kertas peperiksaan Pendidikan Seni Menengah Rendah yang dijalankan oleh guru-guru Pendidikan Seni dalam melaksanakan Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah (PKSM) yang merupakan sebahagian daripada bentuk penilaian formatif. Beliau mendapati pemberatan aras kognitif dalam kertas ujian Pendidikan Seni Menengah Rendah tidak menepati ketetapan Jadual Penentu Ujian (JPU). Pemahaman dan penghargaan tidak begitu dipentingkan dalam kertas ujian





Pendidikan Seni sebaliknya hanya mementingkan kepada aspek asas seni reka sahaja. Ketidakseimbangan penekanan yang diberikan ke atas aspek kandungan menyebabkan penilaian terhadap objektif pengajaran dan pembelajaran sukar dilakukan. Perkara tersebut berlaku kerana kurangnya pengetahuan para guru tentang cara pembinaan JPU dalam membina soalan selain menghadapi masalah menerima pembaharuan dari segi pendekatan pengajaran dan penilaian.

Masalah berkaitan penilaian juga telah lama dibincangkan oleh Ahmad Ghazie (1994) dalam Hadayat Rahmah Hasan yang menyentuh tentang penilaian yang tidak seiringan dengan isi kandungan. Ini disebabkan guru membuat kriteria penilaian sendiri dengan menggunakan aspek-aspek formal seperti warna, bentuk, ruang dan gubahan bagi menilai hasil kerja pelajar. Tambahan pula, sebahagian besar daripada penilaian yang terlampau subjektif atau kabur ini hanya melibatkan aspek kemahiran sahaja yang diukur berdasarkan hasil kerja pelajar.

Keadaan ditambah lagi apabila guru yang mengajar Pendidikan Seni adalah guru bukan opsyen. Kajian yang dijalankan oleh Mat Desa (1997) mendapati terdapat guru-guru yang tidak memahami dengan betul kandungan dan konsep yang berkaitan dengan Pendidikan Seni Visual lebih-lebih lagi mereka tidak diberi pendedahan dan latihan melalui perkembangan staf (*in-house training*). Secara tidak langsung guru tidak mendapat pendedahan yang sewajarnya dalam melaksanakan sistem penilaian Pendidikan Seni.

Sistem penilaian yang terlalu berorientasikan peperiksaan pada masa kini dikatakan akan kehilangan nilai pendidikan serta nilai kemanusiaannya. Penilaian formatif adalah satu kaedah di mana guru dapat memperkembangkan keseluruhan bakat dan potensi pelajar kerana ia dijalankan secara berterusan di dalam kelas. Justeru, Kementerian Pelajaran telah mengumumkan beberapa kaedah bagi mengurangkan sistem pendidikan negara tidak terlalu berorientasikan peperiksaan.





Antaranya ialah mengubah cara menilai pencapaian pelajar dalam pembelajaran sesuai dengan perkembangan dan kehendak dunia, mengubah penekanan kepada peperiksaan awam daripada terlalu berasaskan kandungan kepada berasaskan kemahiran atau bersifat ujian pencapaian, kepada bersifat kebolehan am, mencari kaedah pentaksiran yang mampu menggalakkan pembinaan karakter dalam mata pelajaran seperti Pendidikan Seni dan mengubah pendekatan pengajaran dan pembelajaran, misalnya dengan memperbanyakkan pendekatan pengurusan projek.

(<http://www.malaysia-today.net/Blog-s/2006/05/melahirkan-orientasi-menuntut-lmu.htm>)

Menerusi ucapan Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, beliau berharap pentaksiran berasaskan sekolah dapat dipelbagaikan .

“Penekanan yang berlebihan kepada peperiksaan boleh menyebabkan sistem pendidikan kita dilihat terlalu berorientasikan peperiksaan dan zaman persekolahan akan kehilangan nilai pendidikan serta nilai kemanusiaannya. Dengan pentaksiran berasaskan sekolah, semua bentuk pentaksiran yang lebih bersifat alternatif dan tulen seperti pentaksiran kerja kursus, projek, persembahan, kegiatan jasmani, ko-kurikulum, sahsiah, budi pekerti dan pembinaan jati diri murid boleh dilaksanakan”. (*Berita Harian* :04 Mei 2006, [http://apps2.emoe.gov.my/tayang.php?laman=baca_akhbar&bhs=my&](http://apps2.emoe.gov.my/tayang.php?laman=baca_akhbar&bhs=my&id=1512)

[id=1512](http://apps2.emoe.gov.my/tayang.php?laman=baca_akhbar&bhs=my&id=1512))

Pengumuman tersebut menjelaskan kepada kita bahawa bentuk penilaian formatif adalah sesuai dan penting diaplikasikan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran masa kini kerana ia adalah satu penilaian yang berterusan di bilik darjah yang boleh dijalankan melalui pelbagai pendekatan dan kaedah untuk memastikan penguasaan pelajar secara menyeluruh dalam aspek kognitif, afektif dan psikomotor .

Masalah yang ingin dikaji juga berkait daripada satu kajian rintis yang telah dijalankan oleh penyelidik melalui temubual secara rawak terhadap beberapa orang guru seni di Daerah Kampar. Senario yang berlaku menunjukkan perlaksanaan penilaian Pendidikan Seni secara formatif di bilik darjah kurang ditekankan dan





amalan tersebut terjadi kerana mata pelajaran Seni dianggap tidak penting justeru tidak perlu dilakukan penilaian. Guru-guru juga mengakui tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam melaksanakan penilaian kerana mereka tidak tahu apa sebenarnya yang perlu dinilai ke atas pelajar yang belajar Pendidikan Seni.

Senario tersebut ada hubungkaitnya dengan merujuk kepada kajian yang dikeluarkan oleh jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (Hassan Sulaiman, 2000). Terdapat beberapa aspek atau isu-isu yang kritikal yang menjejaskan kualiti Pendidikan Seni di sekolah iaitu dari aspek kualiti murid, kualiti guru dan kualiti pengurusan. Antara aspek kualiti guru dan kualiti pengurusan yang dipersoalkan ialah :

1. Kelemahan nilai letak kerja (TOV) murid berpuca daripada kegagalan guru memperlihatkan proses penyampaian yang berkesan. Ini disebabkan pengetahuan dan kemahiran guru (64%) dalam mata pelajaran Pendidikan Seni masih dangkal. Mereka masih belum dapat memahami prinsip dan konsep Pendidikan Seni dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran seni tampak atau visual. Pembelajaran hanya diukur berdasarkan sistem *output* produk seni dan bukannya proses pendidikan yang lebih mementingkan pengalaman kurikulum sebenar.
2. Agenda Pendidikan di sekolah lebih berorientasikan *administration maintenance* dan bukannya *development management*. Sistem penilaian impak kepada semua program yang dijalankan amat kurang diberi perhatian
3. Sistem penilaian yang dilakukan lebih mirip kepada penghasilan produk (*output*) dan bukannya berasaskan proses formatif yang





menekankan kepada pembentukan individu yang menyeluruh ataupun berasaskan pengalaman kurikulum.

Daripada latar belakang masalah yang dikemukakan jelas menunjukkan bahawa kajian ini perlu dilakukan bagi mendapat gambaran sebenar berkaitan perlaksanaan penilaian formatif di dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Perlaksanaan tersebut berkait rapat dengan pengetahuan guru dan kaedah penilaian yang dijalankan. Kajian ini dapat memberi input yang jelas kepada kita apa yang sebenarnya berlaku di sekolah supaya terdapat penambahbaikan dalam melaksanakan metod penilaian Pendidikan Seni .

1.3 Persoalan Kajian



Kajian ini memfokuskan kepada tiga persoalan kajian yang utama iaitu:

1. Bagaimanakah guru Pendidikan Seni melaksanakan penilaian formatif di dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual?
2. Adakah guru Pendidikan Seni Visual mempunyai pengetahuan dalam melaksanakan penilaian formatif ?
3. Adakah bentuk penilaian formatif yang dijalankan menepati metod penilaian Pendidikan Seni selaras dengan kehendak kurikulum Pendidikan Seni?





1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

1. Mengetahui pelaksanaan penilaian formatif yang dijalankan oleh guru di dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.
2. Mengetahui tahap pengetahuan guru Pendidikan Seni Visual dalam melaksanakan penilaian Pendidikan Seni Visual.
3. Mengetahui sejauhmana pelaksanaan penilaian formatif sesuai dan selari dengan kehendak kurikulum Pendidikan Seni di Malaysia

1.5 Signifikan Kajian



Kajian ini merupakan satu usaha untuk menganalisis dan menghuraikan pelaksanaan penilaian formatif yang dijalankan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Kajian ini dapat memberi gambaran yang lebih jelas apa sebenarnya berlaku di sekolah dan bagaimana penilaian formatif diaplikasikan oleh guru-guru pendidikan Seni Visual.

Dapatan kajian ini juga dapat memberi kesedaran bahawa betapa pentingnya peranan guru untuk melaksanakan penilaian yang efektif agar dapat mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan secara umumnya dan Kurikulum Pendidikan Seni Visual secara khususnya. Diharapkan dengan adanya kajian ini dapat memberi panduan kepada guru-guru dalam melaksanakan proses penilaian yang berkesan dan sesuai agar kualiti mata pelajaran Pendidikan Seni dapat ditingkatkan. Ia juga diharapkan dapat menambahkan pengetahuan guru-guru dalam memperbaiki proses penilaian Pendidikan Seni dengan adanya masalah yang telah dikenalpasti. Pengkaji





berharap agar kajian ini dapat membantu pihak guru khususnya dalam usaha memperbaiki program penilaian sedia ada dan melaksanakan penilaian secara sistematik.

Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat menjadi sumber rujukan bagi golongan penyelidik yang ingin membuat kajian mengenai bidang yang berkaitan yang relevan dengan bidang kajian.

1.6 Definisi Operasional

1.6.1. Penilaian formatif

Elliot W. Eisner dalam *Evaluating the Teaching of Art* (1996) dan Bhasah Abu Bakar (2003) menyatakan penilaian adalah satu pertimbangan nilai & meletakkan merit. Doanna Kay Beattie (1997) menjelaskan penilaian formatif sebagai strategi penilaian yang digunakan semasa pembelajaran yang dilakukan di bilik darjah untuk tujuan diagnostik dan dengan sebahagian atau tiada keutamaan dalam merekod skor, markah atau nota. Penilaian tersebut dapat dilakukan dalam menilai empat disiplin pembelajaran iaitu kognitif, afektif dan psikomotor dan memfokuskan kepada proses atau produk sama ada secara individu atau keseluruhan kelas.

1.6.2. Pengajaran

Istilah mengajar atau pengajaran dalam bahasa Arab disebut taklim (ta'lim) dan dalam bahasa Inggeris disebut 'teaching'. Ariffin dalam Muhibbin Syah (1997) mendefinisikan mengajar sebagai "...satu kegiatan penyampaian bahan pelajaran





kepada murid agar dapat menerima, menanggapi, menguasai dan mengembangkan bahan pelajaran itu”. Tyson dan Carroll (1970) memberi gambaran bahawa mengajar adalah sebuah cara dan sebuah proses hubungan timbal balik antara pelajar dan guru yang sama-sama aktif melakukan kegiatan. Sehubungan itu, mereka telah menetapkan satu syarat iaitu wujudnya interaksi interpersonal (guru dan pelajar) dalam kelas terjadi dengan baik, maka kegiatan belajar akan terjadi. Sebaliknya jika interaksi guru pelajar buruk maka kegiatan belajar tidak akan terjadi atau jika terjadi, hasil yang diharapkan tidak akan memuaskan. Menurut Tardif (1989) mengajar adalah perbuatan yang dilakukan oleh guru untuk tujuan membantu atau memudahkan pelajar.



1.6.3. Pembelajaran



Pembelajaran adalah sebarang perubahan tingkah laku seseorang hasil daripada pengalaman dan menyebabkannya menghadapi situasi sesudah itu dengan cara yang berlainan (Blair Gleinn Myers, Jones R. Stewart & Simpson, Ray H. (1991).

Menurut Guy Le Francois, dalam Tajularipin Sulaiman dan Maria Chong Abdullah (2004), pembelajaran merangkumi semua jenis perubahan tingkah laku yang bersifat agak kekal yang dihasilkan oleh pengalaman. Jami'ah dan Kasnani (2000), pula menyifatkan pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku yang melibatkan ketrampilan kognitif iaitu penguasaan ilmu dan perkembangan kemahiran intelek. Definisi pembelajaran yang mutakhir telah dikemukakan oleh Santrock dalam Rahil (2004), yang menyifatkan pembelajaran sebagai pengaruh yang kekal ke atas tingkah laku, pengetahuan dan kemahiran berfikir yang dihasilkan melalui pengalaman. Ringkasnya proses pembelajaran dikatakan berlaku, apabila pengalaman





menghasilkan perubahan yang agak kekal dalam tingkah laku individu akibat daripada proses berfikir.

1.7 Kekangan Dan Skop Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang memerlukan penyelidik berada dalam situasi kajian. Penyelidik terpaksa terlibat dengan permasalahan-permasalahan seperti menguruskan masa, menentukan responden dan kerjasama responden. Oleh kerana kajian ini dilakukan terhadap tempat penyelidik mengajar, maka kekangan tersebut sedikit sebanyak dapat diatasi.

Kajian ini akan dijalankan terhadap 5 orang guru Pendidikan Seni di Sekolah Menengah Kebangsaan Pei Yuan, Kampar perak. Responden yang dipilih adalah guru-guru yang mengajar Pendidikan Seni pada tahun 2007 yang terdiri daripada dua orang guru opsyen dan tiga orang guru bukan opsyen. Penyelidik akan terlibat secara langsung sebagai pemerhati, penemubual dan penilai dapatan kajian yang diperolehi. Hasil kajian ini bukanlah keputusan yang boleh mewakili semua kawasan di daerah Kampar dan negeri lain. Keputusan kajian hanya mewakili responden kajian di kawasan tersebut dan dapat dirumuskan secara umum berkaitan pelaksanaan penilaian formatif Pendidikan Seni. Ketepatan kajian adalah berdasarkan kepada data-data pemerhatian pengkaji, kajian dokumen, soal selidik serta temu bual yang telah dilakukan terhadap responden semasa melaksanakan kajian.





1.8 Latar Belakang Kawasan Kajian

Sekolah Menengah Kebangsaan Pei Yuan, Kampar adalah sebuah sekolah bantuan modal yang letaknya di daerah Kinta Selatan. Sekolah tersebut mempunyai pelajar seramai 1660 orang dan 82 orang guru. Sekolah ini menjalankan dua sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang. Secara keseluruhannya, terdapat seramai 11 orang guru yang ditugaskan untuk mengajar Pendidikan Seni pada tahun 2007. Guru-guru tersebut terdiri daripada tiga orang guru opsyen dan selebihnya guru bukan opsyen Pendidikan Seni. Pada tahun ini, bilik seni yang sedia ada telah diambil oleh pihak pentadbir untuk menampung pelajar yang ramai sebagai sebuah kelas. Justeru, sesi pengajaran dan pembelajaran Seni terpaksa dijalankan di dalam kelas biasa.



1.9 Kerangka Teori

Teori Behaviourisme adalah salah satu teori yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah. Menurut ahli-ahli psikologi Behaviorisme, pembelajaran merupakan perubahan yang berlaku dalam diri seseorang yang disebabkan oleh pengalaman. Dalam teori ini terdapat empat peringkat yang harus dilalui iaitu hukum kesiediaan, ransangan, gerak balas dan peneguhan. Ahli psikologi behaviorisme berpendapat sebelum sesuatu pembelajaran berlaku ia perlulah ada kesiediaan yang meliputi kesiediaan mental, fizikal dan rohani. Kemudian diikuti rangsangan bagi mendapatkan gerak balas. Gerak balas adalah percubaan pada kejayaan sesuatu pembelajaran. Pencapaian pembelajaran berkesan dan kekal lama sekiranya diberi peneguhan seperti pujian, motivasi dan sebagainya. Perlaksanaan sistem penilaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran seni amat





berkaitan dengan teori behaviorisme di mana guru perlu menyediakan aktiviti penilaian yang bersesuaian dan memperbanyakkan latihan *hands-on*, mengamalkan prosedur kerja yang betul dan efektif selain mengadakan pelbagai rangsangan bagi mewujudkan kesan pembelajaran yang menyeronokkan agar dapat mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan.

Bagi menjawab tiga persoalan kajian yang telah diutarakan beberapa beberapa konsep yang bersesuaian telah dipilih sebagai kerangka konseptual dan dapat diuraikan seperti di bawah.

1.9.1 Konsep pengajaran



Pakar psikologi kognitif seperti Biggs (1991), membahagikan konsep mengajar dalam tiga pengertian iaitu pengertian kuantitatif, pengertian institusional dan pengertian kualitatif. Pengertian kuantitatif adalah berkaitan jumlah pengetahuan yang disampaikan. Dalam hal ini guru hanya perlu menguasai bidang yang diajarnya dan menyampaikan ilmu kepada pelajar dengan sebaik-baiknya. Pengertian institusional pula berkaitan sekolah iaitu guru dituntut untuk selalu mengadaptasi berbagai teknik mengajar kerana pelajar itu berbagai-bagai bakat dan kemampuan dan kebolehnya. Sebaliknya pengertian kualitatif berkaitan mutu hasil yang ideal iaitu mengajar sebagai satu kegiatan yang dapat memudahkan kegiatan belajar pelajar di mana guru berinteraksi dengan pelajar untuk membentuk makna dan kefahaman pelajar. Ia lebih bersifat pendekatan pelajar.

Menurut Muhibbin Syah (1997), terdapat dua pandangan yang berbeza dalam melihat profesion mengajar iaitu mengajar sebagai ilmu dan mengajar sebagai seni. Guru merupakan orang yang ditugaskan sebagai tenaga profesional yang memiliki





pengetahuan profesional (berpengetahuan dan berkemampuan tinggi) dalam dunia pendidikan yang berkompeten untuk melakukan tugas mengajar. Seorang yang profesional seharusnya memiliki keyakinan yang mendalam terhadap ilmu yang berhubungan dengan proses kependidikan. Sebaliknya tidak semua orang yang berilmu atau mempunyai ilmu yang berkaitan keguruan boleh mengajar dengan baik. Ini kerana proses mengajar memerlukan komitmen dan teknik yang tertentu untuk menyampaikan ilmu itu kepada pelajar.

Oleh itu, pengajaran boleh diertikan sebagai satu sistem aktiviti yang diarahkan kepada murid-murid secara bersemuka dengan guru yang bertujuan untuk membawa suatu perubahan pada diri murid-murid. Ini menunjukkan bahawa semasa pengajaran dilaksanakan, pelbagai aktiviti dilaksanakan bertujuan menghasilkan pembelajaran atau perubahan dalam tingkah laku pelajar. Aktiviti ini termasuklah merancang, mendiagnosis, membentuk objektif, memilih kaedah pengajaran, mengatur aktiviti, memilih bahan pengajaran, memotivasikan murid, menggalakkan, memberi peneguhan, mendisiplinkan, menilai dan membuat beberapa pertimbangan. Aktiviti-aktiviti tersebut memberi pelbagai pengalaman kepada murid dan ini akan menentukan kualiti dan kuantiti pembelajaran yang mereka terima. Proses pengajaran perlu dirancang dengan teliti supaya hasil pembelajaran yang diinginkan dapat dicapai. Pada kebiasaannya proses pengajaran melibatkan tiga fungsi utama iaitu perancangan, pelaksanaan dan penilaian.

1.9.2 Konsep pembelajaran

Pembelajaran adalah proses pemerolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Proses pembelajaran





berlaku sepanjang hayat seseorang manusia. Proses pembelajaran berlaku di mana-mana tempat dan pada sebarang masa. Dalam konteks pendidikan, guru biasanya berusaha sedaya upaya mengajar supaya pelajar dapat belajar dan menguasai isi pelajaran bagi mencapai sesuatu objektif yang ditentukan. Pembelajaran akan membawa kepada perubahan pada seseorang.

1.9.3 Konsep Pengetahuan Guru

Muhibbin Syah (1997) menjelaskan bahawa kompetensi utama yang wajib dimiliki oleh setiap guru yang bergelar profesional ialah mempunyai pengetahuan yang bersifat deklaratif dan prosedural. Pengetahuan deklaratif adalah pengetahuan yang relatif statis-normatif yang dapat diungkapkan secara lisan dan verbal. Isi pengetahuan ini bersifat konsep-konsep dan fakta yang dapat disampaikan kepada orang lain melalui ekspresi tulisan dan atau lisan. Sedangkan pengetahuan prosedural yang dikaitkan dengan pengetahuan praktis yang dinamik mendasari ketrampilan melakukan sesuatu. Pengetahuan prosedural lazim disebut sebagai *knowing how* atau 'mengetahui cara' melakukan sesuatu perbuatan, pekerjaan dan tugas tertentu.

Abu Bakar Nordin (2003) menyatakan peranan guru sebagai pengajar di mana guru perlu memiliki pengetahuan yang cukup berkaitan dengan pelajaran yang hendak disampaikan, memiliki pengetahuan psikologi, sosiologi dan pedagogi.

Menurut Kamaruddin Hj. Husin (1995) peranan utama seorang guru adalah mendidik. Tugas asas seorang pendidik pula adalah sebagai pengajar iaitu menyampaikan ilmu pengetahuan, memperkembangkan dan membentuk budi pekerti atau akhlak pelajar. Di samping itu, peranan guru yang lain adalah sebagai pemudah cara, pembimbing, pentadbir, perancang, pengelola, inovator dan penilai. Setiap



satunya mengarah kepada meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Manakala Amir Hassan Dawi (1999) melihat profesion perguruan perlu mempunyai beberapa kriteria seperti berilmu pengetahuan, mempunyai kawalan kemasukan, terdapat kod etika profesional dan mempunyai kebebasan untuk mengamal. Sebagai seorang professional, guru-guru perlu mempunyai sifat-sifat dan kualiti peribadi, sosial dan professional antaranya, bersifat adil, ramah, tegas, dedikasi, toleransi, peka, inovatif dan sebagainya. Guru juga perlu mempunyai akauntabiliti terhadap perlakuan dirinya, ilmu pengetahuan, kemahiran-kemahiran, pelajar, ibu-bapa, bidang pendidikan dan negara.

1.9.4 Konsep Metodologi Penilaian Pendidikan Seni.


Metodologi bermaksud *a way of doing, based on particular principles and methods* atau perkaedahan (*New Oxford, English-English Malay Dictionary*; 2003). Metodologi penilaian Pendidikan Seni harus berdasarkan kurikulum yang ditetapkan di mana boleh dilakukan dengan berbagai-bagai kaedah dan cara bagi menentukan sama ada sesuatu program atau aktiviti dapat ditingkatkan, diperkembang dan diperbaiki pada kekuatan dan kelemahan yang terdapat sepanjang proses itu berlangsung. Kaedah penilaian Pendidikan Seni adalah satu kaedah yang seharusnya merangkumi domain kognitif, afektif dan psikomotor seperti mana yang digariskan dalam Kurikulum Pendidikan Seni .

Kurikulum Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah merangkumi perkara yang berkaitan dengan Seni Halus, komunikasi Visual, Reka Bentuk dan Seni Warisan serta Sejarah dan Apresiasi. Pelajar dilatih untuk melihat dari perspektif yang lebih



luas sama ada dari aspek estetik mahupun dari aspek gunaan. Melalui kefahaman aspek di atas pelajar diharapkan dapat diterapkan dengan sentimen warisan Seni Visual dalam kehidupan terutama meningkatkan nilai hidup. Justeru itu bagi memastikan pelajar menguasai isi pelajaran yang disampaikan, satu bentuk penilaian harus dilakukan berdasarkan metodologi yang sesuai.

Penilaian formatif adalah sebagai salah satu metodologi untuk memastikan keberkesanan kurikulum. Ia sangat berguna kerana dapat melihat kepada proses yang berterusan dan dapat mengesan kekuatan dan kelemahan sepanjang proses tersebut. Ia adalah sebagai *internal process* kerana penentuan keputusan adalah sebahagian daripada ikhtiar menambahbaikkan kurikulum itu sendiri melibatkan pelajar, persekitaran, kaedah atau strategi perlaksanaan, penentuan jangkaan hasil dan penglibatan menyeluruh. (Mat Desa Mat Rodzi; 2000)



Rajah 1.1

Konsep yang dipilih dalam kajian permasalahan.

